



BULETIN INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA

edisi 2 - 2009

# Fakta

www.ippbm.gov.my

RESEARCH

DISSEMINATION OF INFORMATION

NETWORKING

## BELIA DIUTAMAKAN, KUALITI ASET NEGARA DIPERKASAKAN

"Belia Berwawasan Penggerak Kejayaan". Itulah dia tema Sambutan Hari Belia Negara bagi tahun 2009. Sambutan pada kali ini adalah merupakan sambutan kali yang ke- 41 bermula sejak tahun 1968. Hari bersejarah yang bukan sahaja mengiktiraf sumbangan dan peranan belia kepada negara malah, lebih penting daripada itu mengukur tahap pencapaian belia yang merupakan generasi penerus kelangsungan pucuk pimpinan negara suatu masa kelak.

Belia yang muda remaja sememangnya mudah teruja dengan alunan dan melodi muzik sifatnya. Melalui Badan Bukan Kerajaan (NGO) Majlis Belia Malaysia (MBM), mereka telah mengambil pendekatan memahami belia dengan mencipta satu lagu yang merangsang semangat dan motivasi golongan belia. Malahan lagu ini menjadi lagu rasmi MBM dan akan dilagukan pada setiap majlis belia.

bagi memastikan kejayaan warga belia perlu mendakap konsep pembelajaran seumur hidup dan bersedia untuk *learn, unlearn* dan *relearn* ilmu pengetahuan serta kemahiran secara berterusan. Jelasnya, kerajaan tidak akan berdikit dalam iltizam mempersiap-siagakan warga belia dengan peluang-peluang untuk menggarap ilmu dan kemahiran dengan secukupnya agar mereka "*not only survive but thrive in this new economy*".

Seiring dengan perubahan dan peralihan kuasa pemerintahan negara secara aman dan muhibah, belia Malaysia turut dipanggil untuk bersama-sama menggembleng tenaga menyahut seruan "1 Malaysia". Sinonim benarlah dengan agenda pembangunan negara yang mendahulukan rakyat dan mengutamakan prestasi, belia Malaysia pula berikrar untuk memperkasakan pembangunan jatidiri sebagai pengukur kepada kualiti aset modal insan negara.

Berinspirasi fenomena Obama yang menjadi Presiden ke-44 White House, tidak mustahil belia yang berhimpun pada hari belia ini bakal menjadi pemimpin sebuah negara yang didiami pelbagai kaum dan bangsa yang menguasai pelbagai bahasa dan budaya suatu masa kelak. Jadi elok benarlah jika berguru perkara yang baik, menguasai ilmu dan pengalaman yang berguna dan menjadikan sebagai ikutan mahupun sempadan. Pendita Za'aba dalam penulisannya pernah berkata bahawa;

"Jikalau kamu tidak seperti orang2 berjaya yang mulia dan mashhur sebutannya itu, maka sekurang-kurangnya tirulah mereka dan choba-lah menyerupai mereka. Sesungguhnya meniru sesuatu yang baik dan menchoba hendak menyamakan diri dengan orang mulia2 dan kebilangan itu, adalah suatu kejayaan juga". (Za'aba). Sumber: Buku Jelajah Belia 2007, IPPBM

### LAGU MENGERAK BELIA

*Di sini mula semangat baru, Demi perjuangan yang dituju  
Mempertingkatkan ilmu di dada, Cekalkan kekuatan minda  
Dan keikhlasan jiwa mulia, Menggerak belia*

*Biar beza kaum dan agama, Biar rintangan yang menduga  
Kami belia Malaysia, Berikrar setia ke akhirnya*

*Terkini dengan inovasi, Mempertahankan jati diri  
Inilah satu gerakan massa, Berganding bahu seluruh negara  
Rasakan bahang kehangatannya, Menggerak belia*

*Biar beza kaum dan agama, Biar rintangan yang menduga  
Kami belia Malaysia, Berikrar setia ke akhirnya*

*Biar beza kaum dan agama, Biar rintangan yang menduga  
Kami belia Malaysia, Berikrar setia  
Dalam suka duka, Berikrar setia ke akhirnya*

Lagu ciptaan : KRU Penyanyi : KRU  
Hak milik : MBM Tahun dicipta : 2002  
Sumber: Majlis Belia Malaysia (MBM)

Setiap tanggal 15 Mei pula, pengiktirafan terhadap sumbangan belia kepada pembangunan negara disambut dengan gahnya sewaktu Hari Belia Negara. Memetik kepada perutusan sempena Sambutan Hari Belia Negara 2009 oleh Perdana Menteri Malaysia Ke-6 yang suatu masa pernah menjadi Menteri Belia dan Sukan (1986-1990), beliau menegaskan bahawa "Sebaiknya,

Sejarah telah mengajar bahawa hanya yang bercita-cita tinggi boleh menggapai puncak kejayaan dengan usaha, pengorbanan dan dorongan yang bukan sedikit. Iktibar daripada perjuangan terdahulu adalah role-model terbaik untuk seseorang belia mencapai apa yang dihajati.



**A**lhamdulillah syukur dipanjatkan ke hadrat ilahi. Langkah demi langkah Buletin Fakta IPPBM terus menapak dan mendaki puncakkecemerlangan dengan terbitnya Edisi ke-2 2009 yang sarat dengan pelbagai isu memahami, mendekati dan memperkasakan belia negara.

Buletin Fakta Edisi ke-2 2009 mengupas isu-isu menarik bersempena dengan semangat sambutan perayaan Hari Belia Negara. Acara tahunan yang disambut pada setiap 15 Mei merupakan platform meraikan dan mengiktiraf sumbangan belia menaikkan martabat belia sebagai aset modal insan negara. Selari dengan tema sambutan iaitu "Belia Berwawasan Penggerak Kejayaan", isu-isu yang dibangkitkan dalam keluaran ini tertumpu kepada kuasa belia mengadaptasikan diri dengan krisis ekonomi, daya ketahanan belia menghadapi pelbagai situasi dan pelbagai kupasan menarik untuk santapan minda pencinta-pencinta ilmu.

Besarlah harapan saya semoga keluaran pada kali ini memberikan sumbangan percambahan minda di dalam usaha pengemblengan tenaga dan kepakaran dalam memperkasakan belia Malaysia sebagaimana pepatah melayu yang mengatakan "Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat".

**Datuk Prof. Madya Hj. Abd. Halim Sidek**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**  
**IPPBM**

### Sidang Redaksi Buletin Fakta IPPBM

#### **Penaung**

YB Datuk Ahmad Shabery Cheek

#### **Ketua Editor**

Datuk Prof. Madya Hj. Abdul Halim Sidek

#### **Editor**

Prof. Dr. Yahaya Ibrahim | Dr. Sarjit S. Gill | Shariffah Mamat

#### **Sidang Pengarang**

Mastura Mohamad | Shahhanim Yahya | Nor Hamidah Hamzah  
Rizzal Dolah | Hasnul Mubarak Saadudin  
Andi Muhd Yusuf Andi Madukelleng

#### **Pereka Grafik / Fotografi**

Nadya Shaffinaz Bajuri | Wan Achmad Syafiq Firza Wan Ramli

#### **Pengurusan / Publisiti**

Hj. Zakariah Md Sam

# FEMALE JUVENILE DELINQUENTS

A little more than a decade ago, the rate of female juvenile delinquency was not considered an issue of much concern. Most of the delinquent acts of females in previous decades primarily involved running away and sexual misconduct. However, Mullis, Cornille, Mullis, and Huber (2004) report an alarming trend for female juveniles between 1989 and 1993 that includes the following statistics: "court cases involving juvenile females with delinquency increased by 31% compared to a 21% increase for juvenile males [and] arrests for violent crimes increased 55% for juvenile females and by 33% for juvenile males" (p. 206). The prevalence of female delinquents in the juvenile justice system has continued to increase dramatically. According to the U.S. Department of Justice (2003) there was a 59% increase in the number of females involved with the juvenile justice system between 1990 and 1999.

In addition, the earlier a juvenile begins a life of offending, the longer the juvenile tends to offend turning into a chronic offender that extends into adulthood. According to Stone (2003), for minor delinquency, offending begins around age 7, peaks at ages 9 to 13, rises steadily to age 17 for boys and 15 for girls, and then drops. Nonviolent, serious delinquency also begins around age 7 and peaks at age 9. For boys, it peaks again around age 12 and continues rising through age 19. For girls, it peaks again from ages 13 to 15, then declines. Violent offending for boys begins around age 7, then increases steadily from ages 8 to 19. For girls, violent offending peaks around age 13, then declines.

- |                                     |                               |
|-------------------------------------|-------------------------------|
| (a) impaired cognitive functioning, | (f) early sexual experiences, |
| (b) low academic achievement,       | (g) mental illness,           |
| (c) weak language skills,           | (h) victimization,            |
| (d) peer relationships,             | (i) low self-esteem and       |
| (e) onset of menarche,              | (j) race.                     |

At some point a youth practitioner will be called upon to work with the female juvenile delinquent. It is important to understand the characteristics of these juveniles and the issues that are most salient in working with them. Youth practitioners should be able to provide helpful strategies to these female juveniles as they work their way through these significant issues.

This article is organized in a way to help youth practitioners recognize the most pertinent issues faced by female juveniles and to provide help in guiding professional interactions, communication and decision-making.

Current research has identified ten characteristics of female juvenile offenders that were considered when developing practice guidelines for working with this population (Heckel et al., 1981; Lenssen et al., 2000; Leve, et al., 2004; Mullis et al., 2004; OJJDP, 1998; Weiler, 1999).

To get the overview of this article please refer to [www.nae4ha.org](http://www.nae4ha.org)

*Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya:*


*"Nilai seseorang itu dapat diukur dari (tahap) agama yang dipegang oleh sahabat karibnya, oleh itu berhati-hatilah memilih sahabat dalam pergaulan." (Petikan Kitab Imam Ghazali)*



# Kuasa Belia Malaysia Dalam Zaman Kegawatan

Sama ada kita semua sedar atau tidak, sama ada kita ambil peduli atau tidak dan sama ada kita mahu atau tidak mahu, di merata-rata tempat ramai yang berbicara tentang isu kegawatan ekonomi. Sejarah kegawatan ekonomi dunia berulang tetapi tidak seteruk kemelesatan ekonomi pada tahun 1997. Isu kegawatan ekonomi ini melanda dunia dan negara kita Malaysia tidak terkecuali daripada merasai tempiasnya. Apa yang menarik ingin dibincangkan di sini adalah kesan kegawatan ekonomi ini kepada keadaan hidup dan survival belia-belia negara.

Kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia pada bulan Februari 2009 ke atas belia seramai 2,068 orang mendapati bahawa 53 peratus daripada jumlah tersebut mengakui bahawa tahap kewangan diri/keluarga mereka sekarang berada pada paras membimbangkan. Persoalan berhubung tahap kewangan diri/keluarga merupakan satu isu dan kesan sosial yang berlaku refleksi daripada kegawatan ekonomi ini juga satu isu lain yang perlu ditangani dengan bijaksana. (Rujuk rajah 1).



**Rajah 1: Persepsi belia terhadap kewangan diri/keluarga**

Kajian yang sama turut membuktikan bahawa belia yang berumur 15 tahun hingga 25 tahun (58 peratus) lebih bimbang terhadap kedudukan kewangan diri/keluarga berbanding belia yang berumur 26 tahun hingga 40 tahun (42 peratus). Secara logiknya tidak dinafikan bahawa majoriti belia yang berumur di bawah 25 tahun adalah belia yang baru memasuki pasaran tenaga buruh. Kebimbangan ini adalah selari dengan pegangan/kuasa kewangan belia itu sendiri pada usia yang masih muda. Berbeza dengan belia yang telah mencapai tahap zon selesa iaitu bagi belia yang berumur 26 tahun ke atas. Mereka telah agak lama berada di dalam pasaran tenaga kerja dan sedikit sebanyak telah pandai menguruskan kewangan diri/keluarga.

Ternyata bahawa kebimbangan kedudukan kewangan diri/keluarga bagi kaum India mengatasi kaum-kaum lain. Kajian yang sama menunjukkan sejumlah 66 peratus kaum India bimbang dengan tahap kewangan diri/keluarga masing-masing berbanding dengan kaum Melayu yang hanya 58 peratus, Bumiputera Sabah 57 peratus, kaum Cina 52 peratus dan Bumiputera Sarawak 48 peratus.

Namun, apa yang paling mencemaskan adalah apabila belia kita tidak bersedia menghadapi waktu-waktu sukar di dalam kehidupan mereka. Sekiranya ditimpa kemalangan, diberhentikan kerja atau keluarga ditimpa musibah, belia kita pada hari ini tidak mempunyai lebihan kewangan bagi


menghadapi saat-saat getir ini atau dalam erti kata lain tidak mempunyai lebihan wang untuk digunakan dalam kecemasan. Kajian membuktikan 41 peratus daripada 2,068 orang belia tidak mempunyai peruntukan bagi menghadapi perbelanjaan di luar jangkaan. Dibimbangi jika dalam keadaan terdesak mendedahkan diri belia kepada anasir-anasir negatif.

Walaupun begitu, tidak dinafikan bahawa belia kita bijak mengatur kehidupan mereka mengikut tahap kepentingan untuk berbelanja sesuai dengan pendapatan mereka. Hal ini disokong dengan dapatan kajian yang mendapati belia lebih mengutamakan perbelanjaan terhadap pendidikan (87 peratus) berbanding menukar aksesori kenderaan (9 peratus), menukar perabot/peralatan rumah (10 peratus) dan merancang percutian (13 peratus). (Rujuk jadual 1).

**Jadual 1: Perbandingan keutamaan perbelanjaan belia**

Perbandingan keutamaan perbelanjaan	Tidak Sesuai (%)	Sesuai (%)
Menukar aksesori kenderaan	91	9
Menukar perabot /peralatan rumah	90	10
Percutian	87	13
Peruntukan pendidikan	13	87
Perbelanjaan produk kesihatan	47	53
Perbelanjaan berasaskan makanan	47	53

Malah belia kita telah bertindak mengadaptasikan diri dengan keadaan kegawatan ekonomi ini dengan membuat keputusan melakukan kerja-kerja sambilan (33 peratus). Manakala 49 peratus lagi belia sedang mengintai peluang untuk melakukan kerja-kerja sambilan bagi mengukuhkan dan memperkasakan kedudukan kewangan diri/keluarga mereka. (Rujuk Rajah 2).



**Rajah 2: Kaedah pengukuhan ekonomi diri/keluarga**

Kesimpulannya, belia Malaysia membuktikan mereka mempunyai kuasa fleksibel untuk membuat penyesuaian diri seiring dengan isu dan fenomena yang berlaku di sekeliling mereka. Walaubagaimana pun, tindakan ini perlu diperkasakan lagi bagi memastikan belia kita lebih ekstrovert, proaktif dan produktif.

# KEPEMIMPINAN DARI PERSPEKTIF ISLAM: Satu Aplikasi Terhadap Pembangunan Belia Ke Arah Modal Insan Terbilang

Penyelidik : Dr. Hj. Syd Abdul Rahman Bin Hj. Syd Zin, UUM

Kepemimpinan merupakan satu subjek atau pendekatan yang telah lama diperkatakan sejak zaman Plato, Aristotle dan Leviathan. Keperluan kepemimpinan wujud apabila terdapatnya manusia yang perlu dibimbing, diajar dan diatur kehidupan mereka dalam sesuatu situasi. Kepemimpinan merupakan tingkah laku seseorang yang telah dilantik untuk menjadi pemimpin atau peneraju sesuatu organisasi. Tingkah laku yang ditonjolkan adalah bertujuan mempengaruhi pengikut supaya mereka sanggup secara sukarela melakukan apa yang diperintahkan oleh pemimpin tersebut. Selalunya teori yang dibangunkan selaras dengan pengalaman dan pengetahuan seseorang itu dan biasanya ianya berkait rapat dengan persekitaran serta keperluan manusia. Terdapat empat ciri kepemimpinan dari perspektif Islam antaranya, setia (Wala), matlamat Islam yang menyeluruh (Global), mengikut syariah dan akhlak Islam serta memberi Thiqah. Sebagai pemimpin yang berhasrat untuk membangunkan belia lain ke arah modal insan terbilang serta bercita-cita untuk mendapat kejayaan serta keberkatan di dunia dan akhirat, maka mereka perlulah melaksanakan tujuh tanggungjawab pendidikan, iaitu pendidikan keimanan, moral, jasmani, mental, rohani, sosial dan peradaban.

## DEFINISI KEPEMIMPINAN

Setiap seorang dari kamu adalah pemimpin. Justeru itu, kamu adalah bertanggungjawab terhadap mereka yang berada di bawah pimpinan kamu. Ketua negara bertanggungjawab terhadap rakyatnya. Ketua keluarga adalah pemimpin dalam keluarga. Khadam atau orang gaji adalah pemimpin atau pengawal. Justeru itu, ia bertanggungjawab menjaga harta tuannya dan ia akan ditanya mengenai hal di bawah jagaannya. (Abdul Aziz, 1993)

## CIRI-CIRI KEPEMIMPINAN ISLAM

Nabi Muhammad S.A.W pernah bersabda maksudnya bahawa pemimpin sesuatu jemaah perlu berkhidmat serta menolong orang lain menuju ke hadapan. Menurut Hisham Altalib (1992), kepemimpinan merupakan suatu proses menggerakkan sekumpulan manusia menuju ke suatu arah yang telah ditentukan melalui dorongan yang tidak memaksa. Pengarahan itu boleh menjadi umum seperti menyebarkan Islam ke serata dunia atau khusus seperti mengadakan persidangan mengenai sesuatu isu.

Menurut Hisham Altalib (1992), terdapat empat ciri kepemimpinan yang boleh dilaksanakan oleh pemimpin belia dari perspektif Islam, antaranya :

1. Setia (Wala) : pemimpin dan pengikut perlu terikat dengan sifat wala terhadap Allah Taala. Ini bermakna, pemimpin belia dan pengikutnya mestilah patuh terhadap suruhan

dan larangan Allah Taala dalam segala aktiviti yang dilakukan supaya tidak terkeluar dari landasan Islam yang sebenarnya.

2. Matlamat Islam yang menyeluruh (Global) : pemimpin belia perlulah bertindak melihat matlamat organisasi bukan sahaja berdasarkan kehendak kumpulan, tetapi juga dalam skop atau pendekatan objektif Islam yang lebih luas lagi. Ini memberikan pengertian bahawa pemimpin belia apabila ingin mengadakan sesuatu program perlulah mengambil kira matlamat persatuan belia dan juga peranan belia serta bukan sekadar memenuhi keinginan segelintir kumpulan belia sahaja.

3. Mengikut syariah dan akhlak Islam : pemimpin belia perlu terikat dengan segala peraturan-peraturan Islam dan boleh terus memegang amanah kepemimpinan selagi pemimpin belia tersebut mengikut perintah syariah. Semasa mengendalikan urusan kepemimpinan, maka pemimpin belia tersebut mesti patuh kepada adab-adab Islam khususnya semasa berurusan dengan musuh atau lawan. Ini bermakna, pemimpin belia perlulah mengaplikasikan program-program yang sesuai dengan kehendak syariah dan akhlak Islam. Selain itu, jangan lari dari perabadian Islam seperti cara pergaulan, pakaian, pertuturan, perbuatan dan sebagainya. Apatah lagi ketika mengendalikan urusan dengan pelajar-pelajar yang belum Islam. Tunjukkan peradaban yang mulia kepada mereka sesuai dengan ajaran Islam.

4. Memberi Thiqah : sebenarnya pemimpin belia yang diberi kuasa sebagai amanah daripada Allah Taala disertai oleh tanggungjawab yang amat besar. Ini bermakna, pemimpin belia yang beragama Islam apabila telah dilantik menjadi pemimpin dalam kalangan belia, maka tanggungjawabnya adalah besar dan berat. Malah dalam Al-Quran ada menyarankan pemimpin agar melaksanakan segala tanggungjawabnya kepada Allah Taala dan perlulah menunjukkan kebaikan kepada pengikutnya.

## KESIMPULAN

Kepemimpinan belia perlulah sentiasa aktif dan kemungkinan akan berubah mengikut peringkat, kekuatan dan keperluan semasa. Oleh itu, kepemimpinan belia perlu mengambil prinsip-prinsip, kaedah dan sistem mengikut kadar yang pasti dan tetap secara yang disengajakan. Kepemimpinan belia yang berkesan dapat menghasilkan suatu wawasan untuk masa depan organisasi belia dengan mengambil kira kehendak jangka pendek dan jangka panjang pengikut atau jemaah yang terlibat. Manakala kepemimpinan belia Islam melihat lebih luas dari itu dengan melaksanakan sesuatu kegiatan kepemimpinan yang tidak menyeleweng dari prinsip-prinsip yang telah ditentukan oleh Allah Taala.

# Pemikiran Belia: SATU KAJIAN PERBANDINGAN

Penyelidik : Prof. Madya Dr. Zulkifley Hamid,  
Prof. Dr. Ramli Md. Salleh, Dr. Rahim Aman, UKM

Apabila kita berbicara tentang pemikiran, persoalan-persoalan yang sering muncul ialah, apakah pemikiran seseorang atau sekelompok manusia boleh dikaji dan ditentukan bentuk atau coraknya? Apakah bentuk atau corak pemikiran ini boleh berubah? Jika pemikiran boleh berubah, apakah faktor-faktor yang memangkin perubahan pemikiran? Persoalan-persoalan inilah yang menjadi fokus utama dalam kajian yang telah dilaksanakan.

Zaman akan terus berubah. Sejarah peradaban manusia akan terus bergerak ke depan tanpa henti. Generasi akan silih berganti. Perubahan zaman tentu sekali mencipta pelbagai perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan seperti sosial, politik, ekonomi, pendidikan, rohani dan termasuklah pemikiran. Semua perubahan ini pasti mengubah gaya dan corak kehidupan masyarakat.

Jika diperhalusi, pelbagai istilah boleh disamakan dengan pemikiran antaranya ia menggambarkan perkara yang sama seperti akal, pandangan dunia, minda dan ingatan. Semua istilah ini merujuk kepada cara pemrosesan dan pentafsiran pelbagai maklumat. Selain itu, pemikiran atau kaedah berfikir boleh dilihat dalam dikotomi kritikal dan tidak kritikal. Pemikiran kritikal bermakna proses membuat keputusan secara rasional bagi seseorang itu melakukan atau mempercayai sesuatu (Norris 1985). Manakala pemikiran tidak kritikal adalah corak pemikiran yang tidak rasional.

Berdasarkan De Bono (1992), beliau mengemukakan satu kaedah berfikir yang dianggap bersifat kritis. Dalam konsep berfikir secara kritikal, perkara yang ditekankan adalah berfikir secara menyeluruh dan mendalam. Menyeluruh maksudnya, sesuatu topik akan dinilai daripada pelbagai sudut atau aspek. Mendalam pula bermaksud setiap sudut atau aspek yang dianalisis akan dilakukan secara teliti dan selengkap yang mungkin.

Untuk membolehkan kita melaksanakan pemikiran kritikal iaitu berfikir secara menyeluruh dan mendalam, De Bono (1992) telah mencadangkan enam cara berfikir atau menilai sesuatu perkara. Enam cara berfikir ini dilabelkan sebagai 'Six Thinking Hat' yang mana seseorang pemikir disarankan berfikir menggunakan enam skema iaitu menggunakan enam warna topi yang berbeza antaranya topi putih, merah, kuning, hitam, hijau dan biru. Jadual 1 di bawah menunjukkan bagaimana konsep 'Six Thinking Hat' diklasifikasikan.

Berdasarkan kepada model di bawah, maka para penyelidik telah menggariskan beberapa objektif dalam melaksanakan kajian ini. Walau bagaimanapun di dalam huraian ringkas ini hanya objektif kedua diambil sebagaimana contoh huraian dalam perbandingan bentuk pemikiran.

Untuk melihat bagaimana bentuk pemikiran golongan belia, kajian ini mengambil kira empat item utama iaitu sahsiah, pandang dunia, keusahawanan dan ketaatsetiaan. Berkaitan item sahsiah, kajian menunjukkan bahawa belia Melayu mencapai skor 82%, belia India 77% dan belia Cina 76% (Jadual 2). Pencapaian skor melebihi 70% daripada ketiga-tiga kaum tadi menunjukkan item sahsiah adalah item yang dimiliki bersama iaitu semua kaum memiliki sahsiah yang tinggi. Semuanya mempunyai emosi yang stabil seperti tahan kepada kritikan, rasional, gigih, kental, terbuka, ingin masa depan yang cemerlang dan bertanggungjawab.

Bagi item pandang dunia, sebenarnya terfokus kepada tiga aspek utama, iaitu teknologi informasi, globalisasi dan bahasa. Data kajian menunjukkan bahawa belia Cina memperoleh skor yang paling minima, iaitu 59% dan diikuti oleh belia India, iaitu 67% manakala belia Melayu 74%. Skor yang rendah di kalangan belia Cina dan India bukan bererti kedua-dua golongan belia daripada kaum tersebut tidak berminat kepada teknologi informasi atau pun isu globalisasi,

Jadual 1: Model Berfikir 'Six Thinking Hat' oleh Edward De Bono (1992)

Warna Topi	Sifat/Ciri Lakuan Berfikir	Kesan Kepada Khalayak	Manfaat
Putih	Mengumpul sebanyak mungkin maklumat sebelum mengambil atau membuat keputusan	Semua pihak diberikan perhatian dan semua aspek diambil kira	Keputusan tidak dibuat terburu-buru iaitu ia dibuat berasaskan maklumat yang lengkap
Merah	Mengambil kira aspek-aspek emosi sebelum mengambil atau membuat keputusan	Aspek emosi khalayak diambil kira dalam pembuatan keputusan	Aspek emosi atau perasaan khalayak telah diberikan perhatian
Kuning	Lakuan berfikir yang memfokus kepada aspek-aspek yang positif bagi sesuatu perkara	Khalayak berkemungkinan besar akan mendapat manfaat atau kesan positif daripada sesuatu keputusan yang dibuat	Dapat membuat jangkaan tentang kesan positif yang bakal terhasil
Hitam	Lakuan berfikir yang memfokus kepada aspek-aspek yang negatif tentang sesuatu perkara	Khalayak berkemungkinan besar akan terhindar daripada kesan negatif daripada sesuatu keputusan yang dibuat	Dapat membuat jangkaan tentang kesan negatif yang bakal terhasil
Hijau	Lakuan berfikir yang memfokus kepada idea-idea baru atau muktahir	Khalayak akan mendapat manfaat daripada idea, pemikiran, dapatan atau ilmu baru atau terkini	Mendapat manfaat daripada pelbagai idea, pemikiran, ilmu atau maklumat baru/terkini
Biru	Lakuan berfikir yang mengarah kepada pembuatan keputusan, menentukan arah atau hala tuju	Khalayak menerima perintah atau arahan yang sepatutnya	Khalayak jelas dengan apa yang sepatutnya dilakukan, iaitu mereka terpimpin dalam mengambil sesuatu tindakan

sambungan ke muka surat 6



tetapi penerimaan mereka kepada isu bahasa Melayu agak negatif. Manakala belia Melayu bukan bermakna belia mereka cemerlang dalam aspek teknologi informasi dan globalisasi. Kajian menunjukkan bahawa belia Melayu memiliki persepsi yang negatif dalam aspek teknologi informasi. Mereka rata-rata tidak memiliki komputer peribadi, tidak memiliki capaian internet dan tidak mengikuti perkembangan ilmu dalam aspek tersebut.

Belia Cina mencapai skor yang pertama dalam item 'keusahawanan', iaitu 69% dan tempat kedua didominasi oleh belia Melayu, iaitu 66% dan ketiga oleh belia India, iaitu 58 (lihat Jadual 2). Skor yang tinggi oleh belia Cina tidak memmeranjatkan kerana mereka sememangnya sudah cemerlang dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Apabila persoalan yang berkaitan dengan dana Industri Kecil Sederhana (IKS), prosedur dan kaedah peminjamannya ditanyakan kepada mereka, selalunya mereka berkemampuan untuk menguruskannya. Hal ini berbeza dengan belia Melayu dan India, yakni mereka tidak mengetahui selok belok IKS dan prosedurnya.

Proses pembinaan negara bangsa dan ketaatsetiaan, pada pandangan penyelidik mesti ditingkatkan lagi. Hal ini kerana kajian mendapati, skor ketaatsetiaan belia Cina hanya 67% berbanding belia India 81% dan belia Melayu 85%. Persoalan yang diutarakan dalam aspek 'ketaatsetiaan' ialah Dasar

Ekonomi Baru (DEB), Rukun Negara, pengamalan dalam satu sistem pendidikan, Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan beberapa aspek yang lain. Mungkinkah apabila persoalan yang ditanyakan berkaitan isu Bahasa Melayu dan amalan dalam satu sistem pendidikan, maka sentimen perkauman menjelma kembali? Hal inilah yang menjadi persoalan penting dan tentunya generasi baru belia Malaysia harus berfikir bagaimana untuk mengatasinya.

Kesimpulannya, hasil kajian ini akan dapat memberikan sumbangan yang besar kepada pembinaan negara bangsa. Pemikiran dan tingkah laku ialah dua entiti yang tidak dapat dipisahkan. Ini disebabkan kelakuan manusia normal adalah dikawal oleh pemikirannya. Keputusan untuk melakukan sesuatu lakuan atau tindakan terhasil selepas pemikiran telah memutuskannya.

**Jadual 2: Pencapaian Skor Item Sahsiyah, Pandang Dunia, Keusahawanan dan Ketaatsetiaan Belia Melayu, Cina dan India.**


Bangsa	Sahsiyah (%)	Pandang Dunia (%)	Keusahawanan (%)	Ketaatsetiaan (%)
MELAYU	82	74	66	85
CINA	76	59	69	67
INDIA	77	67	58	81
LAIN-LAIN	81	77	85	87
PERATUS KESELURUHAN	79	70	70	80

## PEMETAAN BELIA MALAYSIA

### Panduan Layari Laman Web Siri II (<http://petabelia.kbs.gov.my>)

Pada kali ini dipaparkan laman web kategori pemetaan dengan tujuan memudahkan dan membantu semua pihak memahami, merancang ataupun melaksanakan program pembangunan belia dengan lebih berkesan mengikut kapasiti masing-masing. Terdapat empat kategori peta yang disediakan iaitu Peta Umum, Peta Hasil Kajian, Peta Tematik Pilihan dan Peta Negeri.

**Kategori Peta Umum** merupakan peta-peta yang memaparkan data sekunder iaitu data yang diperolehi bersumberkan daripada agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Perangkaan



Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan dan Polis Diraja Malaysia. Sejumlah 12 peta di dalam kategori ini dan pengguna boleh melihat data dengan memilih senarai yang terdapat di dalam kategori tersebut. Sebagai contoh peta Populasi Belia, peta Belia 15-24 Tahun, peta Belia 25-39 Tahun dan peta Persatuan Belia Aktif.

Kategori **Peta Hasil Kajian** pula adalah paparan data yang dibentuk daripada data hasil kajian oleh penyelidik IPPBM. Sejumlah 18 peta telah dibentuk berdasarkan data hasil kajian termasuklah peta Skor Motivasi, peta Skor Penghargaan Kendiri, peta Skor Patriotik, peta Jenis-jenis sukarelawan dan peta Kekerapan Bersenam.

Paparan *legend* atau skala skor bagi setiap peta adalah berbeza mengikut nilai minima dan maksima data hasil kajian. Skala skor dibahagikan kepada empat skala bagi memberi gambaran yang lebih jelas tentang tahap skor data iaitu 0 – 25 mewakili

kurang baik, 25 – 50 sederhana baik, 50 – 75 baik dan 75 – 100 sangat baik.

**Peta Tematik Pilihan** adalah peta yang dihasilkan daripada perbandingan antara dua kumpulan data yang bersesuaian. Perbandingan ini dipilih berdasarkan dua jenis data iaitu keahlian persatuan dan jumlah belia, kemudahan sukan dan jumlah belia. Perbandingan keahlian persatuan dan jumlah belia dapat mengukur jumlah belia yang menjadi ahli persatuan berbanding dengan keseluruhan belia di sesuatu daerah.

Perbandingan kemudahan sukan dan jumlah belia pula dapat memberi gambaran sama ada jumlah kemudahan sukan seperti kompleks sukan, padang, gelanggang, stadium dan lain-lain mencukupi jika dibandingkan dengan jumlah belia di sesebuah daerah.

Kategori **Peta Negeri** pula merupakan peta yang dihasilkan daripada peta umum tetapi lebih mengkhusus mengikut negeri. Pengguna boleh melihat data dengan lebih jelas mengikut negeri masing-masing dan boleh memilih tujuh sub kategori yang terdapat di dalam kategori ini termasuk Populasi Belia, Persatuan Belia Aktif, Keahlian Persatuan Belia Aktif, Peratus Dadah, Kemudahan Sukan, Kemudahan Awam dan Kemudahan Pusat Perkhidmatan.



Selamat melayari laman web Pemetaan Belia Malaysia.

# MODUL MOTIVASI MINJAROES DALAM KESEIMBANGAN DAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA


MINJAROES merupakan akronim bagi perkataan MINDA, JASMANI, ROHANI, EMOSI dan SOSIAL. Konsep MINJAROES menerapkan pengamalan nilai Budi Bahasa Budaya Kita, Pengukuhan nilai-nilai murni, membina personaliti unggul, meyemarakkan semangat perjuangan dan menanamkan sikap bekerja sepenuh hati. Manakala konsep 3H (*Heads On, Hands On & Hearts On*) yang juga sebahagian daripada konsep MINJAROES menerapkan ketiga-tiga elemen untuk perkembangan keseimbangan diri setiap individu khususnya belia. Kepincangan salah satu elemen ini akan merosakkan keseimbangan pemikiran belia sepertimana pandangan pioneer konsep ini "Apabila terabai salah satunya, maka 'shock wave'nya akan sampai kemana-mana sebagai hasil hidup". (Menet Saad).

Penerapan budaya MINJAROES di kalangan generasi belia perlu diasuh, diasah, diajak, diusik, diacah dan di asak bagi memastikan

nilai-nilai ini kekal tersemat di dalam jiwa dan sanubari mereka. Apabila telah disematkan sejak dari awal perkembangan generasi belia, budaya ini akan membesar dan berkembang di dalam diri mereka seiring dengan peningkatan umur. Penguasaan budaya ini adalah sangat penting untuk dijadikan garis panduan dan memandu mereka membuat keputusan dengan matang sesuai dengan peningkatan usia mereka. Hal ini adalah memandangkan budaya MINJAROES member penekanan dalam semua aspek kehidupan belia seharian.

Secara kesimpulannya, konsep 3H boleh dijadikan sebagai teras dalam kehidupan seharian, prinsip keseimbangan MINJAROES dijadikan amalan, dan nilai karekter diri akan dijadikan budaya dalam diri, keluarga, masyarakat, komuniti, bangsa dan negara.

Sumber: Menet Consultant Group Sdn. Bhd.



## PERSIDANGAN MEJA BULAT 2009 SIRI APRIL (MINDSET AND STRATEGIES OF OBAMA : IMPACT AND CHANGES ON YOUTH)

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) telah berjaya menganjurkan Program Persidangan Meja Bulat 2009 Siri April pada 15 April 2009 bertempat di Hotel Marriot, Putrajaya. Program ini merupakan satu usaha murni IPPBM dalam membincangkan isu-isu semasa yang melibatkan belia dengan memberi fokus kepada tujuan pembangunan belia Malaysia. Persidangan Meja Bulat 2009 Siri April telah bersidang selama setengah hari bermula jam 8.30 pagi hingga jam 1.30 petang dan telah dirasmikan oleh Datuk Prof. Madya Hj. Abdul Halim Sidek selaku Ketua Pegawai Eksekutif IPPBM.

Dua orang pegawai Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia iaitu Ms. Cody.C.Taylor (*Public Diplomacy Officer*), dan Mr. Mark Clark (*Councilor for Political Affairs*) dijemput sebagai panel pembentang sesi pertama dengan membawa tajuk "Understanding The Mindset and Strategies of Obama on Youth from The U.S Perspective". Manakala seorang pensyarah daripada Fakulti Pentadbiran dan Pengajian Polisi di Universiti

Teknologi Mara (UiTM) iaitu Prof. Madya. Shahrudin Bin Badaruddin telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Understanding The Mindset and Strategies of Obama on Youth from Malaysian Perspective" pada sesi kedua.

Fokus persidangan meja bulat ini adalah untuk membincangkan pengajaran dan iktibar hasil daripada pengaruh dan kejayaan Barack Obama sebagai Presiden AS yang dapat mempengaruhi belia Amerika Syarikat pada hari ini. Pemilihan Obama dalam perbincangan juga adalah sebagai idola yang boleh dicontohi dalam mempengaruhi golongan belia dan idea tersebut telah dicetuskan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Namun begitu, perubahan dan pendekatan yang dibawa oleh Obama perlulah disesuaikan mengikut acuan belia di Malaysia.

Foto Sekitar Persidangan Meja Bulat 2009




# KALENDAR PENYELIDIKAN & PROGRAM IPPBM JUN - SEPTEMBER 2009

BIL	TARIKH	PENYELIDIKAN
Kajian Isu Pembangunan Belia		
1	Jun - September	Kajian Keberkesanan Dasar Pembangunan Belia Negara
2	Jun - September	Kajian Profil Belia Malaysia
3	Jun - September	Kajian Pemetaan Belia Malaysia
4	Jun - September	Kajian Penglibatan Belia dan Masyarakat Dalam Sukan oleh Universiti Putra Malaysia
5	Jun - September	Kajian Keberkesanan Pengurusan Persatuan Belia Bersama MBM
Kajian Pendapat Awam Isu Semasa		
6	Jun - Julai	Kajian Isu Teknologi Maklumat
7	Julai - Ogos	Kajian isu Patriotisme : Sempena Hari Merdeka
8	Ogos - September	Kajian Isu Aeroangkasa
Kajian Impak dan Keberkesanan Program KBS		
9	Jun	Kajian Impak Dan Keberkesanan Kem Rakan Muda Jiran Muda Siri II
10	Jun	Kajian Impak Keberkesanan Kursus Yang Dianjurkan Oleh APBM
11	Jun - Julai	Kajian Penggunaan Kompleks Rakan Muda Baling, Kedah
12	Jun - September	Kajian Impak & Keberkesanan Program Rakan Muda Wawasan Desa IPT (RMWD IPT)
13	Jun - September	Kajian Mengesan Bekas Pelajar Bagi Menentukan Tahap Pencapaian Misi Penubuhan IKBN Dari Aspek Mewujudkan Belia Yang Berkeusahawanan
14	Jun - September	Kajian Impak Penjenamaan Semula Rakan Muda
15	Jun - September	Kajian Kepuasan Pelanggan
16	Jun - September	Kajian Impak Dan Keberkesanan Pelaksanaan Kad Keahlian Rakan Muda.
17	Jun - September	Kajian Kursus Yang Kurang Mendapat Sambutan Di IKBN / IKTBN / KKBN
Program		
1	Jun 2009	<i>Luncheon Talk</i> : Hari Belia : "Belia Berwawasan Penggerak Kejayaan"
2	Julai 2009	Persidangan Meja Bulat Siri Julai

## ULASAN BUKU PILIHAN


### MODUL PENCEGAHAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI KALANGAN GENERASI MUDA



Penerbit : Institut Penyelidikan  
Pembangunan Belia Malaysia  
Penulis : Prof. Dr. Rohany Nasir *et. al.*  
Tahun : 2008  
Halaman : 183

Isu penyalahgunaan dadah bukan sahaja dikenalpasti di negara ini, malah ia juga menjadi salah satu daripada agenda pelan tindakan di dalam World Action Plan for Youth (WPAY) di peringkat Bangsa-Bangsa Bersatu. Modul menangani penyalahgunaan dadah ini diterbitkan berasaskan pendekatan pencegahan dadah. Modul ini mengandungi tiga bahagian di mana Bahagian Pengenalan Mengenai Dadah memberikan perspektif mengenai isu dadah di negara ini serta usaha untuk menanganinya, Bahagian Kajian Penyalahgunaan Dadah menyorot kajian-kajian lalu yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah dengan tujuan membolehkan pembaca memahami situasi penagih dan mengenalpasti faktor penagihan dadah. Manakala Bahagian Latihan Peningkatan Personaliti pula berkaitan dengan langkah intervensi yang boleh dilakukan kepada individu belia yang berisiko bagi membolehkan mereka membina benteng pertahanan diri daripada terjebak di dalam kancang penyalahgunaan dadah.

### UNDERSTANDING DEVIANCE



Penerbit : Oxford Universiti Press  
Penulis : David Downes / Paul Rock  
Tajuk : Understanding Deviance  
Tahun : 2007  
Halaman : 374

Downes and Rock's popular textbook, *Understanding Deviance*, provides the reader with an indispensable guide to criminological theory. It sympathetically outlines the principal theories of crime and rule-breaking, discussing them chronologically, and placing them in their European and North American contexts, confronting major criticisms that have been voiced against them, and constructing defences where appropriate.

The book has been thoroughly revised and brought up to date to include new issues of crime, deviance and theory in the early twenty-first century, and includes summaries of cultural criminology and the work of Laub and Sampson, and Gottfredson and Hirschi, on control theory.

\* Buku-buku ini boleh diperolehi di Pusat Sumber IPPBM.

*"Pengiktirafan dan ganjaran datang kepada mereka yang menunjukkan kualiti yang baik dalam perbuatannya." - Aristotle -*